

11 JUN 2002

Mahathir-PBB/I

PBB PATUT SELESAIKAN ISU ANTARABANGSA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua isu antarabangsa hendaklah diselesaikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan bukannya mana-mana kumpulan tertentu.

"Isu, sama ada mengenai perdagangan atau keselamatan, hendaklah diserahkan kepada masyarakat antarabangsa, iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, untuk membincangkan dan menentukan apa tindakan yang patut diambil," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di bangunan PBB di sini selepas menyampaikan ucap tama pada Sesi ke-90 Persidangan Buruh Antarabangsa pada Selasa.

Beliau diminta mengulas mesyuarat akan datang G8 negara-negara maju di Kanada yang kemungkinan akan menentukan syarat mengenai langkah keselamatan yang patut diambil berikutan serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata dalam isu Palestin, PBB hendaklah juga memainkan peranannya dalam memisahkan pihak yang bersengketa.

Bagaimanapun, katanya Amerika, sebagai sebuah negara yang paling berkuasa boleh membantu mencapai perdamaian di rantau itu.

Dr Mahathir berkata satu lagi perkara yang sepatutnya diserahkan kepada PBB ialah isu Kashmir.

Katanya dengan mengadakan mesyuarat Persidangan Pertubuhan Islam di Kuala Lumpur tahun depan, Malaysia berharap untuk mendapatkan persefahaman mengenai tanggapannya terhadap apa yang berlaku di Palestin dan di negara lain di dunia.

Perdana Menteri berkata pendirian Malaysia mengenai isu Palestin adalah jelas bahawa ia mahukan Isreal mengundurkan diri ke sempadannya dan bagi pelarian Arab kembali ke tanahair mereka.

"Tiada siapa yang berhak untuk mencerooboh negara lain walaupun atas alasan pertahanan," katanya.

Mengenai definisi Malaysia tentang keganasan, Dr Mahathir berkata pendapat negara ialah untuk mengutuk semua bentuk keganasan.

Beliau berkata kegagalan negara Islam untuk mencapai satu definisi bersama mengenai keganasan adalah disebabkan beberapa faktor tertentu terutama mengenai Palestin.

"Rakyat Palestin tiada pilihan lain. Mereka tiada siapa yang membantu," katanya.

Dr Mahathir juga berkata adalah tidak logik bagi Israel untuk membalas "dengan membunuh 10 rakyat Palestin bagi setiap penduduk Israel yang terbunuh."

Mengenai ancaman militan di Malaysia, Perdana Menteri berkata kerajaan terpaksa mengambil tindakan menghalang mereka daripada melakukan kegiatan yang keji.

-- BERNAMA

MAI RON